

MAHATHIR - ISLAM 1984

KOTA SAMARAHAN, 9 SEPT. (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENYIFATKAN KEGIATAN GOLONGAN TERTENTU YANG SANGGUP MENUDUH ORANG ISLAM KHUSUSNYA UMNO TERDIRI DARIPADA KAFIR SEMATA-MATA KERANA INGIN MENDAPATKAN KUASA UNTUK MEMERINTAH NEGARA INI.

PERDANA MENTERI BERKATA ORANG-ORANG ITU TERGANAK MEMBUAT DAKWAAN DEMIKIAN KERANA BERNIAT MELENYAPKAN PENGARUH UMNO DI KALANGAN RAKYAT.

+ DENGAN MEMBUAT DAKWAAN KONONNYA ORANG-ORANG UMNO ITU KAFIR, ADA KEMUNGKINAN UMNO TIDAK MENDAPAT SOKONGAN ORANG MELAYU YANG SEMUANYA ISLAM, + TAMBAH BELIAU SEMASA BERUCAP KEPADA PARA PENDUDUK SAMARAHAN SELEPAS MENUNAIKAN SEMBAHYANG MAGHRIB DAN ISYAK DI MASJID DAERAH DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA OLEH KERANA TERLALU TAKSUB DAN TAMAK KEPADA KUASA, MEREKA BERGIAT MEMECAHBELAHKAN ORANG ISLAM SEHINGGA TIMBUL PERASAAN BENCI MEMBENCI SESAMA ORANG ISLAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA.

+ MEREKA TIDAK TAHU BATASAN SEHINGGA SANGGUP MEMDUAT APA SAHAJA ASAL HASRAT MEREKA UNTUK MENJADI PEMERINTAH NEGARA TERCAPAI, + TEGASNYA. -- LAGI

2249MST 09 09 84

R 8970 DEB

MAHATHIR - ISLAM 2 KOTA SAMARAHAN

PERDANA MENTERI KESAL OLEH KERANA TAMAKKAN KUASA, KUMPULAN ITU TELAH MENYALAH TAFSIRKAN AGAMA ISLAM DAN MENGECEWAKAN RAKYAT DALAM USAHA UNTUK MENDAPATKAN SOKONGAN ORANG-ORANG YANG TERTIPU OLEH MEREKA.

MENURUTNYA JARUM YANG DIJALANKAN OLEH KUMPULAN ITU BEGITU BERKESAN SEHINGGA PERBUATAN MENGECEWAKAN BERLAKU DI SEMENANJUNG MALAYSIA TERMASUK ISU DUAIIMAM DAN PASANGAN YANG BERKAHWIN TERPAKSA BERKAHWIN SEKALI LAGI KERANA PERKAHWINAN DULU DIKATAKAN TIDAK SAH KERANA MEREKA MENJADI ANGGOTA UMNO.

DI SAMPING ITU, ADA PULA YANG TIDAK MAHU DIKEBUMIKAN DI TANAH PERKUBURAN BERSAMA ORANG UMNO YANG DIKATAKAN KAFIR MANAKALA ADA PULA YANG TIDAK MAHU MAKAN DAGING SEMBELIHAN ORANG UMNO, KATANYA.

SAMBIL MENYERU RAKYAT SUPAYA MELINDUNG DIRI MEREKA DARIPADA KEGIATAN GOLONGAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN UMAT ISLAM AGAR MEMUPUK SEMANGAT PERSAUDARAAN KERANA JIKA BERPECAHBELAH AKAN MENGAKIBATKAN UMAT ISLAM DAN AGAMA ISLAM MENJADI LEMAH.

+ JIKA BERPECAHBELAH KITA ROBOH, TETAPI JIKA BERSATU PADU KITA KUKUH -- INI PATUT MENJADI COGANKATA KITA, + PESANNYA. -- LAGI

2254MST 09 09 84

D244

RB971 DE5

MAHATHIR - ISLAM 3 KOTA SAMARAHAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR BANGGA KERANA PERPECAH DI KALANGAN UMAT ISLAM TIDAK WUJUD DI SARAWAK DAN BERHARAP GEJALA ITU TIDAK AKAN BERLAKU SEPERTI DI SEMENANJUNG MALAYSIA.

TEGASNYA PERPADUAN PERLU DIKUKUHKAN SUPAYA UMAT ISLAM MENJADI SATU KUMPULAN YANG KUAT DAN DAPAT MEMPERTAHANKAN KEDUDUKAN MEREKA.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN PERASAAN PERSAUDARAAN ITU JUGA PERLU DITUNJUKKAN DENGAN ORANG-ORANG ISLAM MENDEKATKAN DIRI DENGAN LAIN-LAIN PENDUDUK YANG MENGANUT BERBAGAI-BAGAI ACAMA.

BELIAU BERHARAP RAKYAT TIDAK TERPENGARUH DENGAN TAFSIRAN SEMPIT GOLONGAN TERTENTU SUPAYA ORANG ISLAM MENJAUHKAN DIRI DARIPADA ORANG ASING.

+ AGAMA ISLAM TIDAK MENYURUH UMATNYA MENGASINGKAN DIRI DARIPADA PENGANUT AGAMA LAIN MALAHAN MENDESAK MEREKA BERBUAT BAIK DENGAN SEMUA KAUM.

+ PENDUDUK YANG BUKAN ISLAM BUKAN MUSUH KITA TETAPI MEREKA RAKAN KITA YANG SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN GIAT MEMBANGUNKAN NEGARA JIKA KITA SANGGUP BERDAMPING DENGAN MEREKA, + TAMBAHNYA. -- BERNAMA